

## Zakat Pulau Pinang beri suguhati Aidilfitri kepada 7,000 asnaf


**BAYAN LEPAS** - Seramai 7,000 orang dalam kalangan asnaf fakir dan miskin menerima agihan suguhati hari raya fakir dan miskin bagi tahun ini melibatkan wang keseluruhan berjumlah RM5.82 juta.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid berkata, pemberian suguhati itu akan disalurkan melalui akaun bank masing-masing secara berperingkat bermula petang Selasa.

Menurutnya, setiap asnaf fakir yang layak akan menerima sebanyak RM700 manakala bagi asnaf miskin sebanyak RM600.

"Bagi menyambut Syawal dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan, kerajaan Pulau Pinang meraikan dan menyantuni asnaf fakir dan miskin melalui agihan zakat suguhati hari raya kepada asnaf fakir dan miskin.

"Sumbangan suguhati ini diadakan secara tahunan yang merupakan satu inisiatif agihan zakat yang dilaksanakan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) bagi meringankan beban penerima



Mohamad (tengah) menyerahkan replika jumlah wang yang disalurkan kepada masjid-masjid terpilih untuk diagihkan kepada asnaf-asnaf dan fakir miskin di seluruh Pulau Pinang.

dalam kalangan asnaf di Pulau Pinang untuk menyambut bulan Ramadan dan Syawal," katanya pada Selasa.

Mohamad sebelum itu menyampaikan sumbangan kepada 20 wakil asnaf Majlis Penyerahan Suguhati Hari Raya Fakir Miskin ZPP di Masjid Al-Huda Sungai Ara di sini.

Tambah beliau, jumlah yang diterima oleh asnaf itu berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan merujuk

kepada kutipan zakat fitrah sebanyak RM6.84 juta yang dipungut.

Jelas beliau, pendekatan yang digunakan oleh ZPP bagi penyaluran sumbangan ini adalah menerusi kerjasama dengan kariah masjid yang berperanan mengenal pasti asnaf untuk disalurkan sumbangan suguhati hari raya.

"Justeru, keprihatinan kerajaan Pulau Pinang terhadap asnaf fakir dan miskin, bukan

sekadar memastikan pengagihan wang zakat dilaksanakan dengan teratur, malah keprihatinan ini diterjemahkan melalui agihan zakat yang disalurkan.

"Ia diharap agar menjadi pemangkin bertambahnya iman dan takwa melalui pelaksanaan ibadat wajib dan sunat serta melaksanakan kewajipan zakat fitrah di bulan yang mulia ini tanpa perlu memikirkan kesusahan hidup

yang dihadapi," katanya.

Mohamad turut berterima kasih kepada pembayarzakat kerana melaksanakan tanggungjawab menunaikan zakat di ZPP.

"Saya amat berharap lebih ramai individu dan syarikat korporat tampil menunaikan zakat bagi membantu ZPP meneruskan agenda penting untuk membela golongan yang kurang berkemampuan di Pulau Pinang.

## AEON BiG raikan anak yatim, asnaf

Turut agihkan lebih 21,000 bubur lambuk di semua 21 cawangannya

Oleh **SITI AISYAH MOHAMAD**  
**SHAH ALAM**

**A**EON BiG (M) Sdn Bhd (AEON BiG) meneruskan inisiatif bagi membantu golongan asnaf dan anak yatim dengan memberi sumbangan 100 beg cenderahati (goodies bag) pada program Iftar Ala Madinah@Karangkraf pada Selasa.

Ketua Bahagian Sumber Manusia AEON BiG, Mohd Rizal Omar berkata, sumbangan berupa barangan asas seperti makanan dan minuman itu merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu pada bulan Ramadan ini.

Menurutnya, AEON BiG telah melaksanakan banyak program dalam memberi tumpuan untuk memberi se-



**MOHD RIZAL**



AEON BiG meraikan anak yatim dan golongan asnaf ketika program Iftar Ala Madinah@Karangkraf, pada Selasa.

mula kepada masyarakat.

"Kami di AEON BiG sangat bersyukur dapat bekerjasama untuk program bersama komuniti seperti ini lebih-lebih lagi dengan acara sangat unik yang mana kita dapat makan di luar secara bersama-sama.

"Tahun ini merupakan kali ketiga pihak kami bekerjasama malah hubungan yang rapat dengan Sinar Harian membolehkan kami mengeratkan hubungan bersama masyarakat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Mohd Rizal, selain program berkenaan, AEON BiG juga telah mengedarkan lebih 21,000 bubur lambuk di semua 21 cawangannya seluruh Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan beberapa pihak seperti Coca-Cola Malaysia, Yayasan Ikhlas, RHB Banking Group (RHB) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam program Belanja Raya.

"Kerjasama dengan beberapa pihak ini bertujuan membawa keceriaan khususnya kepada anak-anak dan keluarga yang kurang bernasib baik dan

memastikan keperluan mereka dipenuhi," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohd Rizal memaklumkan bahawa AEON BiG turut melancarkan Memori Raya-Detik Kecil Yang Besar Maknanya sebagai tema sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini yang boleh ditonton di media sosialnya.

Tambah Mohd Rizal, pihaknya juga akan membawakan keceriaan Hari Raya untuk warga Negeri Sembilan, di mana AEON BiG akan membuka cawangan yang ke-22 di Palm Mall, Seremban pada Jumaat ini.